

SERAMIK STUDIO DI MALAYSIA

RAHA JA'AFAR

92301747

DIPLOMA SENI REKA SERAMIK '
KAJIAN SENI LUKIS & SENI REKA '
INSTITUT TEKNOLOGI MARA ,
SHAH ALAM , SELANGOR ,
SESSI 1995/96

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w semoga dikurniakan Allah s.w.t kedudukan yang tinggi lagi terpuji sebagaimana yang telah dijanjikan

Bersyukur saya atas limpah rahmatNya , akhirnya saya dapat menyempurnakan penyelidikan ilmiah ini . Segala kesulitan dipermudahkan dengan pohonan doa dan ikhtiar seadanya .

Penyiapan tesis ini juga didorongi oleh mereka yang saya hormati . Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Faridah Yusuf selaku penasihat pertama dan En. Kamarudin Kamsah selaku penasihat kedua saya . Segala panduan dan ilmu yang dilahirkan amat berguna untuk saya .

Ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada kedua insan yang paling bererti dalam hidup ini . Untuk ayahanda _____ dan Bonda _____ , terima kasih atas pengorbananmu mendidik dan mendoakan kesejahteraan sehingga anakanda berjaya berada di tempat sekarang . Untuk ahli keluarga yang lain , dorongan kalian amat kuhargai .

PENDAHULUAN

Penghasilan seramik atau tembikar bukan satu perkara baru dalam industri kraftangan di Malaysia. Keindahan reka bentuk, ketinggian teknik dan kepelbagaian subjek serta fungsi seramik wujud dalam ketiga-tiga kategori seramik iaitu Seramik Studio, Seramik Industri dan Seramik Arca. Hari ini, seramik yang bersifat utilitarian mahupun non-utilitarian dianggap istimewa kerana nilai-nilai keindahan yang terdapat di dalamnya.

Di dalam pengkajian tesis ini penulis ingin menekankan tentang peranan seramik studio di dalam masyarakat Malaysia. Ini adalah kerana bidang seramik studio adalah unik dan karya-karya seramik studio yang dihasilkan bukan sahaja mementingkan fungsi, malahan turut menitikberatkan mutu dan ketertiban pembuatannya.

Namun begitu, masyarakat Malaysia masih ramai yang tidak menggunakan barangan seramik studio ini sebagai kegunaan harian. Mereka masih lagi cenderung menggunakan barangan seramik industri yang dihasilkan menggunakan acuan. Keadaan ini sungguh berbeza dengan masyarakat di sesetengah tempat yang lain contohnya di Jepun. Masyarakat Jepun rata-ratanya menggunakan malah mengagung-agungkan penggunaan barangan seramik studio ini. Ini adalah kerana didikan mereka dan warisan yang telah ditinggalkan sejak turun-temurun.

SINOPSIS

Seramik adalah satu bidang yang tidak asing lagi dalam masyarakat Malaysia . Cabang-cabang seramik begitu meluas tetapi di dalam pengkajian tesis ini penulis ingin menekankan terhadap penggunaan barangan seramik studio di dalam masyarakat Malaysia .

Sebagaimana yang diketahui barangan seramik industri kegunaan harian begitu meluas sekali penggunaannya di Malaysia Tetapi penggunaan barangan seramik studio tidak begitu meluas disebabkan oleh beberapa faktor . Keseluruhan tesis ini menceritakan mengenai perkembangan seramik studio di Malaysia dan juga sambutan yang diberikan oleh masyarakat di sini

Di samping itu terdapat juga penerangan-penerangan mengenai segala masalah yang dihadapi dalam usaha memperkenalkan bidang seramik studio dan cadangan-cadangan bernas yang dikemukakan untuk meningkatkan lagi tahap penggunaannya di kalangan masyarakat Malaysia .

Pada keseluruhan hasil daripada tinjauan dan kajian yang telah dijalankan , dapat dibuat kesimpulan di mana bidang seramik studio di Malaysia sekarang adalah stabil dan kemajuannya masih di peringkat pertengahan Adalah penting untuk pengusaha-pengusaha yang terlibat sama-sama berusaha untuk meninggikan lagi mutu dan nilai seramik khususnya seramik studio hingga mencapai matlamat yang dicita-citakan .

ISI KANDUNGAN

HALAMAN PEMERIKSA

PENGHARGAAN

PENDAHULUAN

SINOPSIS

ISI KANDUNGAN

SENARAI GAMBAR

SENARAI SISIPAN

BAB 1

1.0 PENGENALAN

1.1 SEJARAH AWAL SERAMIK

1.2 TEKNIK PENGHASILAN

1.2.1 Teknik Lingkaran

1.2.2 Teknik Kepingan

1.2.3 Teknik Picit Cubit

1.2.4 Teknik Lempar Alin

BAB 2

2.0 KEISTIMEWAAN SERAMIK STUDIO

2.1 SERAMIK STUDIO DI MALAYSIA

2.2 PASARAN SERAMIK STUDIO DI MALAYSIA